

## Adakah rawatan yang diberikan berbeza beza kepada pesakit ini?


Tidak, sebarang penambahan langkah pencegahan tidak akan mengganggu di dalam perawatan dan penjagaan sepanjang anda berada di hospital.

## Apakah yang berlaku bila saya pulang ke rumah?

Bila anda dirumah, terus amalkan kebersihan seperti biasa anda lakukan. Contoh: pencucian tangan selepas menggunakan tandas dan sebelum makan. Tidak perlu mengenakan sebarang pencegahan khas ketika anda berada di rumah.



ATAU



## Apa yang akan berlaku sekiranya pesakit perlu masuk semula ke hospital?

Laporan makmal anda mungkin telah direkodkan sekiranya anda masuk ke hospital yang sama tetapi sekiranya pesakit masuk ke hospital lain, anda mesti memberitahu staf yang anda pernah dikolonisasi oleh organisme ini. Ianya penting kerana anda perlu diletakkan di dalam bilik asingan dengan 'CONTACT PRECAUTIONS' di mana pemakaian sarung tangan dan gaun semasa melakukan perawatan ke atas pesakit.

**Sebarang pertanyaan, sila hubungi:**

Jabatan Kawalan Jangkitan  
Tingkat 5, Menara Timur  
Pusat Perubatan Universiti Malaya  
Tel: 79492576 ext: 4225  
16082016



## CUCILAH TANGAN ANDA

### Bagaimana penyebaran organisme ini dapat dihalang?

Semua hospital mempunyai polisi kawalan infeksi. Salah satu cara penyegahan adalah dengan melakukan pencucian tangan yang berkesan di kalangan kakitangan kesihatan, pelawat dan pesakit itu sendiri. Sekiranya anda pembawa organisme ini, anda mungkin ditempatkan di bilik asingan dimana tanda 'CONTACT PRECAUTIONS' akan ditampal pada pintu bilik, penambahan dalam pemakaian sarung tangan dan gaun ketika melakukan perawatan pada anda.



### Adakah pembawa organisme ini boleh menjangkiti keluarga saya dan pelawat?

Organisme ini tidak akan menjangkiti manusia yang sihat, ini termasuk wanita mengandung, kanak-kanak dan bayi. Apa yang perlu dilakukan adalah pencucian tangan selepas melawat pesakit di hospital.



PUSAT PERUBATAN  
**UNIVERSITI  
M A L A Y A**

### Apa itu Organisma yang kebal kepada pelbagai antibiotik?

Bakteria hidup di dalam usus manusia yang normal. Namun, ada sebahagian bakteria boleh menyebabkan kebal kepada pelbagai antibiotik disebabkan mereka pernah menggunakan sesetengah antibiotik.

Manusia yang sihat mungkin membawa bakteria yang kebal kepada antibiotik ini tanpa menunjukkan tanda gejala infeksi. Keadaan ini dipanggil sebagai kolonisasi dimana keadaan ini tidak memerlukan sebarang rawatan. Jangkamasa seseorang yang dikolonisasi bergantung pada masa dan keadaan pesakit itu sendiri.

Di hospital, bakteria yang kebal kepada pelbagai antibiotik boleh menyebabkan infeksi pada pesakit. Oleh itu, adalah penting untuk menghalang penyebarannya di hospital.

### Bagaimana ia merebak?

Penyebaran organisme ini selalunya disebabkan oleh sentuhan secara langsung dengan pesakit atau peralatan hospital yang tercemar. Ianya tidak merebak melalui batuk atau bersin.

